

KEFAHAMAN UMUM TERHADAP PERDAGANGAN MATAWANG (*FOREX*) DAN KEDUDUKANNYA DALAM SYARAK

Oleh:

Asmadi Mohamed Naim, *PhD, CFP*¹

Hasniza Mohd Taib, *PhD*²

Muhammad Nasri Hussain, *PhD*³

Kumpulan Kajian Syariah dan Perniagaan Islam
Kolej Perniagaan UUM
Universiti Utara Malaysia

1.0 PENGENALAN

Kertas ini bertujuan memahami perdagangan matawang semasa pada peringkat global secara ringkas. Kajian juga akan melihat secara ringkas amalan perdagangan matawang di Malaysia dan seterusnya mengkaji secara lebih terperinci amalan perdagangan matawang di kalangan masyarakat umum dan membahaskannya berpandukan petunjuk al-Quran dan al-sunnah melalui perbahasan ulama-ulama muktabar dan ahli akademik kontemporari.

¹ Dr Asmadi Mohamed Naim ialah Profesor Madya Syariah dan Kewangan Islam di Program Kewangan dan Perbankan Islam di Kolej Perniagaan UUM, Universiti Utara Malaysia. Beliau juga merupakan Konsultan Syariah Hong Leong Islamic Bank dari tahun 2008-2010, dan kemudiannya sebagai Penasihat Syariah di bank yang sama semenjak 2010. Boleh dihubungi di asmadi@uum.edu.my

² Dr Hasniza Mohd Taib merupakan Pensyarah Kanan di Program Kewangan, Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia. Beliau juga adalah Penyelidik Utama di Institute for Management & Business Research (IMBRe), UUM. Boleh dihubungi di hasniza@uum.edu.my

³ Dr Muhammad Nasri Hussain adalah Pensyarah Kanan di Program Pentadbiran Muamalat, Kolej Perniagaan UUM, Universiti Utara Malaysia. Beliau juga adalah Penyelidik Utama di Institute for Management & Business Research (IMBRe), UUM. Boleh dihubungi di mnasri@uum.edu.my

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

Kajian ini menggunakan method kualitatif dalam dua fasa. Pertama pengumpulan data kajian melalui kajian perpustakaan, temubual dan pemerhatian tidak terlibat (*non participation observation*). Fasa kedua ialah perbincangan dan penganalisaan dapatan kajian menggunakan method 'fiqh perbandingan' untuk menghasilkan pandangan yang diyakini tepat oleh pasukan penyelidik.

Kajian ini telah melakukan kajian literatur berkaitan topik ini. Kajian literatur yang dianalisis ialah literatur yang berkaitan dengan perdagangan matawang konvensional dan literatur yang berkaitan dengan pandangan Syarak samada dari al-Quran dan tafsirnya, atau kitab-kitab hadis dan kitab syarahnya yang mempunyai kaitan secara langsung mahupun tidak langsung dengan tajuk perbincangan. Kajian juga meneliti kitab-kitab fuqaha' muktabar untuk melihat perkembangan perbahasan ini dari kitab-kitab mereka. Terdapat beberapa penulisan terbaru mengenai topik perdagangan secara 'margin' oleh beberapa tokoh semasa iaitu Shaykh Profesor Muhammad Uthman Syubair, Profesor Syauqi dan Dr Abdullah Muhammad Hasan al-Sa'idi yang membentangkan kertas mereka untuk Persidangan al-Majma' al-Fiqhī al-Islāmī.

Pada peringkat serantau, ISRA dan Bank Negara Malaysia pernah menganjurkan Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke 3 pada tahun 2009. Beberapa orang sahabat iaitu Prof. Madya Dr Asyraf Wajdi, Ustaz Mohd Zamerey Abdul Razak dan Ustaz Burhanuddin Lukman telah membahaskan dengan baik persoalan perdagangan matawang (*forex*) di institusi kewangan.

Secara umumnya, kertas-kertas tersebut telah memberikan *muqaddimah* yang berguna kepada pengkaji untuk memahami topik ini secara lebih mendalam.

Untuk memahami perbahasan kertas ini, pembaca perlu memahami pengamalan perdagangan matawang secara umum, sebagai 'pintu masuk' untuk memahami pelaburan forex secara online (atas talian) bagi menjana pendapatan. Justeru itu, kertas ini menjelaskan pada permulaannya amalan semasa *forex* secara umum samada secara perdagangan matawang secara *bonafide*,⁴ atau secara tidak *bonafide*.⁵

2.0 AMALAN SEMASA FOREX TRADING UNTUK MENJANA PENDAPATAN

Pasaran tukaran asing, atau *forex* merupakan pasaran yang terbesar dan paling cair di pasaran dunia. Pasaran ini beroperasi selama 24 jam sehari (rujuk jadual 3.1) , dan dibuka selama lima hari seminggu bermula dari hari Isnin hingga Jumaat. Semua pihak boleh melibatkan diri dalam pasaran tukaran asing ini termasuklah orang perseorangan, syarikat-syarikat tempatan, syarikat-syarikat multinasional dan bank pusat.

⁴ Perdagangan matawang yang berakhir dengan penyerahan secara hakiki (*actual possession*) atau *hukmi* (*constructive possession*).

⁵ Perdagangan matawang yang tidak berakhir dengan penyerahan hakiki mahupun *hukmi*, sebaliknya pertukaran/perdagangan berlaku sebelum penyerahan secara hakiki mahupun *hukmi*.

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

Jadual 3.1 Pasaran Tukaran Asing 24 jam (*Greenwich Meantime*)

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24						
SYDNEY																													
TOKYO																													
						LONDON																							
												NEW YORK																	

Sumber: *Federal Reserve Bank of New York*, www.ny.frb.org

Tukaran asing melibatkan urusan satu matawang kepada matawang yang lain. Peniaga-peniaga matawang asing mendapat keuntungan melalui perbezaan harga beli dan harga jual sesuatu matawang. Pada masa sekarang, selain dari tukaran asing dilakukan secara bonafide,⁶ tukaran asing boleh juga dilakukan secara tidak bonafide.

Transaksi matawang perlulah dilakukan dalam jumlah yang besar. Ini kerana pergerakan nilai matawang asing sangatlah kecil. Perubahan harga sesuatu matawang hanyalah pada peratusan sen. Sebagai contoh, kadar tukaran MYR/USD berubah dari 3.3590 kepada 3.3600, melibatkan perbezaan harga hanya sebanyak MYR 0.0010. Walaubagaimanapun, dalam urusan yang melibatkan nilai yang besar, perubahan kecil dalam harga matawang, memungkinkan penghasilan keuntungan atau kerugian yang signifikan.

Oleh itu, pelabur-pelabur matawang biasanya menggunakan leveraj (*leverage*)⁷ dalam urusan mereka⁸. Leveraj merupakan pinjaman dalam nilai yang tertentu yang digunakan bagi tujuan urusan matawang asing. Pinjaman ini biasanya diberi oleh broker matawang asing kepada pelanggan-pelanggan mereka. Urusan tukaran asing selalunya menawarkan leveraj yang tinggi. Nilai leveraj ini bergantung kepada margin awalan yang didepositkan dalam akaun mereka.

Berikut merupakan pengiraan leveraj berdasarkan margin awalan (*margin based leverage*):

$$\text{Leveraj margin awalan} = \frac{\text{Jumlah nilai transaksi (Total value of transaction)}}{\text{Margin diperlukan (Margin required)}}$$

Sebagai contoh, anda ingin meniadakan satu lot matawang AUD/USD (satu lot piawai matawang AUD adalah setara dengan AUD100,000). Oleh itu, anda perlu memasukkan deposit margin awal sebanyak 1%, bersamaan dengan AUD1,000 bagi membolehkan urusan sebanyak AUD 100,000 dilakukan. Ini bermaksud, leveraj berdasarkan margin anda adalah 100:1 (AUD100,000/AUD 1000). Leveraj berdasarkan margin ini ditentukan oleh broker matawang

⁶ Tukaran asing secara *bonafide* bagi tujuan transaksi perniagaan atau bagi tujuan runcit (untuk pembayaran perlancongan, import, eksport dan sebagainya) boleh dilakukan di bank-bank dan juga pengurup wang (*money changer*) berlesen.

⁷ *The simple definition for leverage in Forex is borrowing a certain amount of money from the broker. Forex broker offers high leverage based on an initial margin.*

⁸ Leveraj hanya berlaku bagi pelaburan tidak *bonafide*.

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

asing. Setiap broker mempunyai leveraj berdasarkan margin yang berbeza antara satu sama lain. Ada yang menawarkan leveraj berdasarkan margin seperti 200:1 dan 400:1 sehinggalah 500:1. Leveraj berdasarkan margin 200:1 hanya memerlukan margin sebanyak 0.5% manakala leveraj berdasarkan margin 500:1 pula memerlukan margin sebanyak 0.2% sahaja.

Walaubagaimana pun, risiko peniaga-peniaga matawang asing ini bukanlah bergantung kepada leveraj berdasarkan margin. Malah, risiko juga bukan dipengaruhi oleh perlunya seseorang peniaga itu menandatangani amaun sebanyak 1% atau 2% daripada jumlah nilai transaksi. Risiko seorang peniaga matawang asing adalah bergantung kepada leveraj sebenar (*real leverage*) dan bukannya leveraj berdasarkan margin.

Pengiraan leveraj sebenar adalah seperti berikut:

$$\text{Leveraj sebenar} = \frac{\text{Jumlah nilai transaksi (Total value of transaction)}}{\text{Jumlah Modal Diniagakan (Total trading capital)}}$$

Sebagai contoh, broker matawang asing telah menetapkan leveraj berdasarkan margin 100:1. Sekiranya peniaga menandatangani AUD 10,000 ke dalam akaun anda, peniaga tersebut dibenarkan untuk berurusan sebanyak 100 kali ganda (bersamaan AUD 1,000,000) dari nilai margin awalnya. Tetapi, kebiasaannya peniaga-peniaga matawang tidak akan menggunakan keseluruhan akaun mereka sebagai margin untuk setiap urusan. Contohnya, peniaga A dan peniaga B masing-masing mempunyai margin awal sebanyak AUD 10,000. Peniaga A membeli 2 lot piawai AUD/USD yang berjumlah AUD200,000 manakala peniaga B membeli 4 lot piawai AUD/USD dengan jumlah sebanyak AUD400,000. Ini bermakna peniaga A telah menggunakan 20 kali leveraj daripada nilai akaunnya (AUD 200,000/AUD10,000), dan peniaga B pula telah menggunakan 40 kali leveraj dari nilai deposit margin awalnya (AUD 400,000/AUD 10,000) Ini bermaksud leveraj sebenar mereka adalah berbeza dengan leveraj berdasarkan margin⁹.

2.1 TIGA KAEDAH PENYERTAAN PASARAN TUKARAN WANG

Secara umumnya, terdapat tiga kaedah untuk peniaga menyertai pasaran tukaran asing ini iaitu (i) pasaran lani (*spot market*); (ii) niaga hadapan matawang (*currency futures*)¹⁰, dan; (iii) opsi matawang (*currency option*).

⁹Leveraj berdasarkan margin merupakan leveraj sebenar maksimum bagi seorang peniaga matawang asing.

¹⁰ Tidak seperti *future contract* yang diniagakan di Bursa, urusan *forward contract* (*Kontrak niaga depan*) diniagakan di atas kaunter (*over the counter, OTC*). Kontrak *forward* adalah perjanjian di antara pelanggan (syarikat perniagaan) dengan bank/institusi kewangan. Spesifikasi seperti jenis matawang, unit matawang dan tempoh matang adalah mengikut kehendak pelanggan dan ditetapkan dalam kontrak. Selalunya kontrak *forward* ini digunakan oleh syarikat perniagaan untuk melindungi nilai transaksi perniagaan mereka.

2.1.1 Pasaran Lani

Pasaran matawang lani merupakan cara asas perdagangan matawang. Broker matawang asing akan membekalkan peniaga-peniaga dengan perisian yang menayangkan *spread*¹¹ semasa matawang secara terperinci. Matawang yang sangat air seperti Dolar Amerika, Yen Jepun, Pound dan Euro mempunyai spread yang kecil. Matawang yang kurang cair mempunyai spread yang besar. Perubahan harga yang dipamerkan selalunya adalah dalam bentuk lot matawang yang berdasarkan 100,000 unit matawang asas (*base currency*). Urusniaga di pasaran lani selalunya diselesaikan dalam tempoh dua hari perbankan, T+2.

Fungsi broker matawang asing adalah sebagai pembuat pasaran (*market makers*), dengan cara menawarkan harga bida dan harga minta kepada pelanggan mereka. Broker mengambil keuntungan daripada perbezaan diantara harga bida dan harga minta ini. Oleh itu, peniaga perlu mengambil kira perbezaan diantara harga bida dan harga minta ini bagi memastikan mereka mendapat keuntungan. Walaupun komisyen juga merupakan keuntungan kepada broker matawang asing tetapi selalunya broker matawang asing tidak mengenakan komisyen kepada pelanggan mereka.

Urusniaga diantara broker dan peniaga adalah bersifat persendirian, maka setiap broker mempunyai harga bida dan harga minta yang berbeza antara satu sama lain. Pasaran lani tidak dikawalselia oleh mana-mana pihak seperti pasaran niaga hadapan matawang. Pasaran lani adalah lebih cair berbanding dengan pasaran niaga hadapan.

2.1.2 Niaga Hadapan Matawang

Nilai hadapan matawang bermula pada 1972 dan diasaskan oleh *Chicago Mercantile Exchange* (CME). Jual beli nilai hadapan matawang melibatkan kontrak dalam saiz piawai seperti di Jadual 3.2. Hanya 19 matawang sahaja yang diniagakan di CME. Walaubagaimanapun kontrak niaga hadapan ini juga boleh melibatkan kadar silang (*cross rate*) beberapa matawang tertentu seperti diantara dolar Kanada dan dolar Australia.

Untuk sesetengah matawang, terdapat kontrak dalam kontrak niaga hadapan E-mini, yang mempunyai unit separuh daripada jumlah piawai dalam kontrak. Kontrak niaga hadapan mempunyai tempoh matang yang telah ditetapkan dan berakhir pada sukuan tahunan pada bulan Mac, June, September dan Disember. Kebiasaannya, urusniaga kontrak niaga hadapan dijalankan melalui platform Globex.¹²

Jadual 3.2 Niaga hadapan matawang di Chicago Mercantile Exchange

Matawang	Unit dalam satu kontrak
Dolar Australia	100,000
Brazil Real	100,000
Pound	62,500
Dolar Kanada	100,000

¹¹ *Spread* ialah perbezaan antara harga bida (*bid price*) dan harga minta (*ask price*) matawang.

¹² Kebanyakan kontrak niaga hadapan ditutup (*offset*) sebelum tarikh penyelesaian (*settlement date*).

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

Yuan China	1,000,000
Koruna Czech	4,000,000
Euro	125,000
Forint Hungary	30,000,000
Shekel Israel	1,000,000
Yen Jepun	12,500,000
Won Korea	125,000,000
Peso Mexico	500,000
Dolar New Zealand	100,000
Krone Norway	2,000,000
Zloty Poland	500,000
Ruble Rusia	2,500,000
Rand Afrika Selatan	500,000
Krona Sweden	2,000,000
Franc Switzerland	125,000

Source: Chicago Mercantile Exchange, www.cmegroup.com

Berbeza dengan pasaran lani, harga tawaran matawang di pasaran niaga hadapan adalah sama bagi semua pihak tidak kira orang perseorangan, syarikat-syarikat, broker, bank mahu pun bank pusat. Broker niaga hadapan mendapat keuntungan melalui komisyen, bukannya melalui *spread* harga bida dan harga minta. Komisyen ini dikenakan dengan mengambilkira yuran bursa dan rumah penjelasan (*clearing house*).

Kontrak niaga hadapan akan dijelaskan melalui rumah penjelasan dan penyelesaian adalah secara harian (*daily settlement*). Rumah penjelasan ini dapat mengurangkan risiko *counterparty*. Seorang peniaga yang ingin membeli dan menjual kontrak niaga hadapan perlulah membayar margin awalan melalui broker mereka sebelum melakukan transaksi. Selalunya margin awalan (*initial margin*) adalah diantara USD 1,000 hingga USD 2,000 untuk setiap kontrak. Sekiranya nilai kontrak tersebut jatuh akibat daripada pergerakan harga, peniaga selalunya perlu mengekalkan margin senggara (*maintenace margin*)¹³.

2.1.3 Opsyen Matawang

Opsyen matawang menawarkan hak untuk membeli atau menjual matawang pada harga yang ditetapkan. Terdapat dua jenis opsyen iaitu opsyen beli (*call option*) dan opsyen jual (*put option*). Harga jual dan beli kontrak opsyen dikenali sebagai premium. Harga laksana (*exercise price*) merupakan kadar tukaran matawang apabila opsyen itu dilaksanakan. Premium opsyen matawang berbeza diantara satu kontrak dengan yang lain, bergantung kepada faktor perbezaan antara harga lani dan harga laksana, tempoh matang dan naik turun harga matawang tersebut.

Antara bursa terawal yang membenarkan urusniaga opsyen matawang piawai adalah bursa di Amsterdam, Montreal dan juga Philadelphia. Urusniaga di bursa melibatkan kontrak opsyen

¹³ Margin senggara selalunya tidak perlu dikekalkan apabila broker mempunyai hubungan yang baik dengan pelanggan dan sangat percaya kepada keboleh bayaran pelanggan

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

yang mempunyai nilai piawai. Option boleh dijual dan dibeli melalui broker. Broker akan mengenakan komisyen berdasarkan jumlah kontrak yang dijual dan dibeli.¹⁴ Selain di bursa, opsyen juga turut diniagakan melalui atas kaunter (over the counter, OTC). Urusan di atas kaunter adalah berbentuk tidak piawai dan selalunya berlaku diantara syarikat dan bank. Ciri-ciri seperti jenis matawang, unit matawang, harga laksana dan tempoh matang di jelaskan dalam kontrak opsyen mengikut permintaan pelanggan. Opsyen yang diniagakan di atas kaunter adalah kurang cair dan mempunyai spread antara harga bida dan harga minta yang besar. Seperti juga urusan di bursa, institusi kewangan yang menjalankan urusan opsyen ini selalunya meminta cagaran daripada pelanggan mereka yang menjual opsyen.

Opsyen merupakan salah satu cara bagi peniaga untuk mengurangkan risiko. Melalui pasaran opsyen kewangan, peniaga bolehlah melaksanakan strategi urusan dan lindung nilai seperti yang mereka lakukan di pasaran opsyen saham atau komoditi. Sebagai contoh, sekiranya peniaga menjangkakan kadar AUD/USD akan naik pada masa akan datang, maka peniaga bolehlah membeli opsyen beli. Sekiranya jangkannya tepat, maka peniaga bolehlah melaksanakan opsyen beli tersebut. Keuntungan akan didapati dengan cara membeli di pasaran opsyen dan menjual di pasaran lain. Perbezaan antara harga laksana dan harga lain merupakan untung kasar kepada peniaga. Peniaga perlulah mengambilkira premium yang perlu dibayar untuk opsyen beli itu bagi mendapatkan untung bersih dari urusan tersebut. Walaubagaimanapun, sekiranya jangkannya peniaga itu silap, maka dia hanya akan mendapat kerugian dari segi premium opsyen tersebut.

2.2 PERDAGANGAN FOREX DI MALAYSIA

Untuk mendapatkan keterangan lebih jelas berkaitan Pasaran Tukaran Asing di Malaysia khususnya untuk transaksi 'lani' (*spot*), pasukan pengkaji melakukan temubual dengan pihak industri.¹⁵ Dari temubual tersebut, pengkaji didedahkan bahawa di Malaysia, pasaran tukaran wang asing adalah antara institusi-institusi perbankan yang diberikan lesen untuk bertindak sebagai prinsipal di dalam pasaran tukaran asing. Syarikat-syarikat lain yang memerlukan matawang asing kebiasaannya akan menghubungi prinsipal-prinsipal ini untuk mendapatkan matawang asing. Broker-broker tidak berperanan untuk terlibat dengan pasaran asing secara terus di Malaysia.

Setelah itu, prinsipal-prinsipal ini akan menghubungi broker untuk mencari harga terbaik di kalangan prinsipal-prinsipal yang ada di seluruh dunia. Oleh itu, peranan broker adalah untuk mencari kesesuaian harga (*matching price*) yang diminta atau ditawarkan oleh setiap prinsipal. Broker tidak memegang wang tukaran tersebut. Broker memperolehi komisyen daripada perkhidmatan yang mereka tawarkan.

¹⁴ Bagi peniaga yang menjual opsyen (*short position*), mereka perlulah menyediakan margin di dalam akaun mereka. Margin ini perlulah dikekalkan (*maintenance margin*) sehingga tamat tempoh matang opsyen tersebut. Margin ini diperlukan sebagai perlindungan kepada kerugian yang mungkin berlaku. Sekiranya margin tidak dapat dikekalkan, akibat daripada dana yang tidak mencukupi, broker akan menutup posisi atas nama peniaga dan mengembalikan wang yang tersisa kembali kepada peniaga.

¹⁵ Pengkaji menemubual En Nur Azam Anuarul Perai, Pengurus Bahagian Pembendaharaan sebuah bank Islam tempatan. Temubual adalah berkenaan pasaran *forex* secara umum dan tidak menjurus kepada amalan di bank-bank Islam.

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

Pada masa ini hanya terdapat enam broker yang diberi lesen oleh Bank Negara Malaysia untuk menjadi orang tengah untuk 'matching harga' iaitu Harlows Management, Affin Brokers, Amanah Butler, First Taz Tradition, Kaf Astley dan Forex Enterprise. Broker-broker ini terlibat dalam urusan matching harga yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan. Mereka juga terlibat dengan urusan matching urusan kecairan, *bond*, *commercial paper* dan lain-lain.

Manakala '*Online forex broker*', iaitu tajuk perbincangan kita pada artikel ini, juga berperanan membeli dan menjual tukaran asing secara terus dalam pasaran tukaran asing. Mereka membeli terus matawang asing menggunakan platform yang disediakan syarikat pembrokeran luar negara.

Namun, perkara tersebut bergantung juga kepada kesahihan syarikat broker samada syarikat itu benar-benar tulen, atau satu syarikat yang tidak tulen. Syarikat broker yang mempunyai lesen yang sah akan membeli secara '*real*' matawang dari pasaran tukaran asing dunia apabila pihak pelanggan membeli dari mereka. Tempoh penjelasan (*settlement*) bagi urusan ini kebiasaannya ialah T+2 yang menjadi amalan semasa sejak sekian lama (sejak zaman penggunaan manual menerusi telefon). Tempoh (T+2) ini berkekalan sebegitu sehingga ke hari ini kerana perkara tersebut sudah menjadi satu legasi yang tidak diperbaiki dan tidak diperbaharukan walaupun dunia mengalami kepesatan perkembangan teknologi.

Pengkaji juga dimaklumkan bahawa sekiranya diteliti dalam pelbagai penulisan, hanya terdapat kurang dari 10% pasaran tukaran wang asing yang *bonafide* iaitu dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan wang tunai. Selebihnya iaitu melebihi 90% adalah untuk tujuan spekulasi dan urusan dilakukan secara '*square*' (*offset*) iaitu harga belian dipadankan dengan harga jualan dan pelanggan hanya membayar perbezaan antara dua harga tersebut.

Bahkan, banyak bank-bank sendiri yang melaksanakan transaksi tukaran matawang bukan untuk memenuhi keperluan pelanggan, sebaliknya transaksi itu dilakukan untuk tujuan *prop trading* iaitu satu transaksi yang dibuat atas nama bank oleh *spot dealer* di bank untuk tujuan spekulasi dan untuk mendapat keuntungan.

3.0 PEMERHATIAN AMALAN PELABUR AWAM DENGAN BROKER FOREX ONLINE.

Untuk melihat secara jelas praktis semasa pelaburan melalui *forex*, pasukan pengkaji melakukan pemerhatian tidak terlibat (*non participation observation*) dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan pertanyaan ketika pelabur melakukan transaksi tersebut.

i. Antara langkah yang dimulakan oleh pelabur berkenaan ialah beliau membuka akaun dengan broker berlesen secara online. Pelabur boleh membuka akaun dengan jumlah margin pemulaan (*initial margin*) yang sangat minimum namun ia tidak akan mendatangkan keuntungan.

ii. Setelah memasukkan wang ke dalam akaun tersebut, wang tersebut ditukarkan kepada USD mengikut kadar harga bida (*bid*) and harga minta (*ask*) broker pada hari itu. Pelabur didapati melabur sebanyak USD300.

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

iii. Pelabur diberi pilihan memilih kadar leveraj samada 50:1, 100:1 sehinggalah 500:1. Pelabur memilih 500:1, maka beliau boleh membeli sehingga nilai maksimum sebanyak $500 \times \text{USD}300 = \text{USD}150000.00$

iv. Sebelum membuat pembelian, pilih range keuntungan dari 0.10 pip hingga 8 pip. Pip adalah peningkatan harga terkecil dalam urusan matawang asing.¹⁶

v. Apabila pembelian dilakukan, akaun pelabur tetap mempunyai jumlah margin permulaan (*initial margin*) iaitu USD 300. Akaun pelabur yang bermula dengan USD300 (*initial margin*) akan bertambah atau berkurang berdasarkan kenaikan atau kejatuhan 'pip'.

Pelabur didapati memilih range 0.25. Oleh itu, broker akan memaklumkan peningkatan atau penurunan setiap 0.25 cent atau gandaan setara dengannya (-0.25, 0, 0.25, 0.50, 1, 1.25 dan seterusnya)

Oleh kerana, pelabur memasukkan margin awalan sebanyak USD300, maka beliau mempunyai keupayaan melakukan transaksi sebanyak USD150,000 (Leveraj 500:1) Andaikan matawang antara USD/Pound adalah 1.6493 pada permulaan urusan dan kemudian meningkat kepada 1.6495, iaitu peningkatan sebanyak 2 pip. Sekiranya pelabur mengambil keputusan untuk menutup transaksi (*close transaction*), maka keuntungan bersih dari urusan tersebut adalah berjumlah USD 30 ($\text{USD } 150,000 \times 0.0002$).¹⁷

vi. Pip boleh menaik atau menurun tanpa perlu melakukan '*close transaction*'. Namun sekiranya pip menurun sehingga 'modal' (*initial margin*) menjadi terlalu minimum, akaun tersebut secara automatik akan ditutup pada jumlah yang minimum dan baki wang dipulangkan kepada pengguna. Pelabur sebenarnya tidak pun '*close*' transaksi tersebut.

vii. Jumlah '*initial margin*' bertambah apabila pelabur menutup transaksi (*close transaction*) pada keadaan pip naik. Jumlah *initial margin* berkurang apabila jumlah pip menurun ketika transaksi ditutup (*close transaction*).

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, berikut merupakan beberapa isu yang boleh diketengahkan mengenai transaksi ini iaitu:

- i. Pelabur tidak mengetahui berapakah jumlah matawang yang dibeli pada setiap hari. Pelabur hanya tahu dia mahukan '*range*' keuntungan bagi setiap kenaikan.
- ii. Pelabur hanya mengetahui kadar kenaikan atau kejatuhan nilai wang modal (*initial margin*) bagi setiap kenaikan atau kejatuhan 'pip'.
- iii. Pelabur tidak mengetahui adakah broker mempunyai jumlah 'wang' yang dibeli tersebut.

¹⁶ Pip adalah peratusan mata (percentage in point). Pip merupakan harga yang disebut pada titik perpuluhan keempat dalam harga matawang yang disenaraikan di pasaran matawang asing. Sebagai contoh, harga bida antara RM/USD ialah 2.9020 dan harga minta ialah 2.9022. Ini bermakna perbezaan antara harga bida dan harga minta hanyalah 2 pips sahaja.

¹⁷ Contoh yang lain: sekiranya berlaku peningkatan sebanyak 0.50 pip, dan pelabur membuat keputusan menutup transaksi tersebut, maka keuntungan yang diperolehi ialah sebanyak USD7.50. ($\text{USD } 150,000 \times 0.000050$).

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

- iv. Pelabur mengetahui bahawa broker memperolehi keuntungan melalui perbezaan harga 'bid' dan 'ask'.
- v. Pelabur mengetahui bahawa broker juga mendapat fi melalui 1% daripada transaksi yang ditutup.

4.0 ISU-ISU SYARIAH DALAM AMALAN FOREX TERSEBUT

Terdapat beberapa isu Syariah yang boleh dibincangkan melalui transaksi di atas:

4.1 PEMBELIAN MATAWANG SECARA KREDIT

Pembelian antara broker dan pelabur sebenarnya berlaku secara kredit melalui harga bida (*bid*) dan minta (*ask*) pihak broker. Akaun Pelabur masih mengekalkan 'kadar initial margin' di dalam akaun pelabur. Had pembelian dan penjualan dibenarkan sehingga 500 kali ganda dari modal asal.

4.1.1. Transaksi pertukaran matawang secara kredit, adalah bertentangan dengan nas-nas hadis yang sahih, antaranya

Secara khususnya, hadis-hadis berikut menjelaskan hukum urusniaga matawang dan kaitannya dengan riba:

- i. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Malik dalam kitab al-Muawatta`:

:	:	18
:	:	19
:	:	20

Ertinya:, *Dari Ibn Syihab, dari Malik bin Aus al-hadathan: Sesungguhnya dia mahu menukarkan 100 dinar, dan berkata: "Talhah bin Ubaidillah memanggilku dan kami berbincang (tawar menawar) sehingga dia menukar wangnya denganku. Dia mengambil wang emas dan membalik-baliknya di tangannya, dan berkata: "Sehingga datang*

¹⁸ والمرأوضة: أن توأصف الرجل بالسلعة ليست عندك (أنظر: القموس المحيط، ج1، ص873). محمد فؤاد عبد الباقي: أي تجاذبنا في البيع والشراء.

¹⁹ محمد فؤاد عبد الباقي: موضع قرب المدينة به أموال لأهلها. وكان لطلحة بها مال نخل وغيره.

²⁰ Diriwayatkan oleh Imam Malik dalam Al-Muwatta', Kitab al-Buyu', p.404, Imam al-Shāfi'ī dalam kitabnya al-Umm, j3, p.36, Imam Bukhari, Imam al-Bukhari (t,t). Kitab al-Buyu' pada bab bay' al-sya'ir bi al-syair, j4, p.300, (Dalam al-Asqalāni, Ibn Hajar (t.t). *Fath al-Bārī* Beirut: Dar Ihya` al-Turath al-'Arabi), Imam Muslim dalam kitab al-Musaqat pada bab al-sharf dan bay' al-zahab bil wariq naqdan, j10-12, p.197 (Dalam al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (1994). *Syarah Şahih Muslim*. Beirut: Dar al-Khayr).

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

simpananku dari al-ghabah (satu tempat berdekatan Madinah).” Umar al-Khattab mendengar, lantas berkata: “Tidak, demi Allah! Jangan kamu meninggalkannya sehingga kamu mengambil daripadanya ‘bayaran’.” Kemudian beliau (Umar) berkata: “Telah bersabda Rasulullah SAW: Emas ditukar dengan perak adalah riba kecuali dilakukan secara lani, gandum dengan gandum adalah riba kecuali dilakukan secara lani, tamar dengan tamar adalah riba kecuali dilakukan secara lani, barli dengan barli adalah riba kecuali dilakukan secara lani.”

Hadis yang diriwayatkan Abi Saïd al-Khudri bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:²¹

Ertinya: *Jangan kamu jual emas dengan emas kecuali secara sama kuantiti, jangan kamu lebihkan antaranya. Jangan kamu jual perak dengan perak kecuali sama kuantitinya, jangan kamu lebihkan antaranya, jangan kamu menjual darinya sesuatu yang tiada dengan sesuatu yang sudah ada!*

Padangan fuqaha’:

Para fuqaha Ahlussunnah dari Hanafiah, Mālikiyyah, Syāfi’iyyah dan Hanābilah secara umumnya bersepakat bahawa transaksi *ṣarf* mesti dilakukan secara ‘lani’ atau *spot* sebagaimana di dalam hadis di atas dan hadis-hadis lain. Mereka berpegang teguh dengan makna hadis yang melarang transaksi *sarf* dilakukan secara ‘*tafāḍīl*’ dan *nasā* (tanggung). Berikut adalah antara kata-kata mereka.

Imam Sahnūn meriwayatkan:

:
:

22

Ertinya: Aku berkata: Apa pandangan kamu jika aku menukarkan 100 dinar dengan dua ribu dirham, iaitu setiap dinar bersamaan dengan 20 dirham. Maka aku mengambil (qabd) seribu dirham, dan aku berikan 50 dinar sahaja, kemudian kami berpisah, adakah batal al-sarf keseluruhannya, atau harus terhadap bahagian dinar yang dibayar secara lani. Telah berkata: Berkata Malik: Batal keseluruhan kontrak tersebut, dan tidak harus kepadanya bahagian 50 dinar yang tunai tersebut.

²¹ Diriwayatkan oleh Imam Malik dalam Al-Muwatta` (t.t). Kitab al-Buyu’, p.402, (Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah), Imam Bukhari dalam Kitab al-Buyu’ pada bab bay’ al-fiddah bil fiddah, j4, p.302, Imam Muslim dalam kitab al-Musaqat, bab Riba. j10-12, p.195.

²² Malik bin Anas (1994). *al-Mudawwanah al-Kubrā*. Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah. j3, p.3

Imam Shāfi'ī Rahimahullah berkata:

:

23

Ertinya: *Hadis Umar al-Khattab dan Abi Said al-Khudri dari Rasulullah SAW menerangkan beberapa makna; antaranya haram pertukaran emas dengan emas kecuali sama kuantiti, dan secara lani, tidak dijual matawang yang belum ada dengan matawang yang sudah ada.*

Berkata Imam al-Mardāwī Rahimahullah:

24

:) :

Bermaksud: *Katanya (Manakala riba al-fadl, maka haram riba fadl pada sesuatu yang sama jenis, dari benda yang disukai, atau ditimbang, dan itulah pegangan jumhur sahabat (ulama Hanabilah).*

4.1.2 Pengertian 'penangguhan *qabḍ*' (*nasā*).

Namun, walaupun mereka berpegang teguh terhadap 'tidak boleh *tafaḍḍul*' dan '*nasā*' (tanggung), mereka berselisih pendapat pada menentukan elemen *nasā*' (penangguhan *qabḍ*) selama mana tidak keluar dari 'majlis kontrak'. Sebahagian fuqaha' mengatakan, melambatkan *qabḍ* setelah berkontrak tetapi masih dalam majlis kontrak, sudah termasuk dalam larangan *nasa'* (larangan tanggung *qabḍ*). Sebahagian fuqaha' pula mengatakan, melambatkan *qabḍ* ketika masih di dalam majlis kontrak tidak termasuk dalam larangan *nasa'*.

Sebagai contoh, Hanafiyyah dan Shafi'iyah membenarkan melambatkan selama mana tidak keluar dari 'majlis kontrak' sebagaimana kata Imam al-Marghīnānī Rahimahullah:²⁵

:

26

:

Ertinya: *Berkata: Sepatutnya berlaku qabḍ kedua-dua matawang sebelum berpisah. Ini berdasarkan kepada kata-kata Umar RA: Sekiranya menanggungkan kamu sehingga ia masuk ke dalam rumahnya, jangan kamu menunggunya, kerana seharusnya berlakunya qabḍ bagi setiap orang untuk bagi mengeluarkan kontrak tersebut dari al-kali' bi al-kali'.*

Perkara ini juga dipersetujui oleh Imam al-Shāfi'ī Rahimahullah sebagaimana kata-katanya di bawah:

²³ al-Shāfi'ī, Muhammad bin Idris (1993). *al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. j3, p37.

²⁴ al-Mardāwī, Ali Sulaiman (2004). *al-Inṣāf fi Ma'rifat al-Rājih min al-Khilāf*. Beirut: Bait al-Afkar al-Dauliyyah. j1, p.805.

²⁵ Al-Marghīnānī, Ali bin Abi Bakr bin Abd al-Jalil (t.t) *al-Hidāyah fi Syarh Bidayat al-Mubtadi*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. j3, p.81

²⁶ Jualan hutang dengan hutang.

:

27

Ertinya: Berkata al-Shāfi'ī: *Sekiranya berbeza dua dua perkara tersebut, adalah benda tersebut ialah emas dan perak, atau tamar dan anggur, atau gandum dan barli, tiada halangan untuk 'berbeza kuantiti' antara keduanya, namun secara 'lani' tidak berpisah dari tempat mereka bertransaksi sehingga mereka 'memegang' (taqabud). Maka sekiranya dia mula masuk dalam pengertian 'berpisah dari majlis' sebelum keduanya memegang keseluruhan barang yang dijual, akan fasad keseluruhan jualbeli. Tidak apa untuk lama tempoh masa mereka berada di dalam majlis kontrak, dan tidak apa juga bagi keduanya membawa rakan dan rakan tersebut menyempurnakannya, kerana kedua-duanya belum berpisah (dari majlis).*

Lebih-lebih lagi, Mazhab Hanafiyyah menghuraikan ungkapan 'yadan bi yadin' dengan sedikit perbezaan. Imam al-Kāsānī Rahimahullah menghuraikan:

() :

28

Ertinya: *Manakala hadis (di atas), maka nyata dari kata-katanya SAW: Yadan bi yadin (tidak boleh dipegang sebegitu), kerana yad bermakna anggota, dan maksud hadis bukan sedemikian menurut ijmak. Kerana berpegang maknanya ialah al-qabḍ, kerana tangan adalah alat kepada qabḍ. Kami memberi makna sebagai 'ta'yīn' (menentukannya) kerana tangan ialah alat untuk menunjukkan. Kerana isyarat tangan boleh menyebabkannya dapat ditentukan. Pada kami ta'yīn' adalah syarat.*

Al-Kāsānī berkata lagi:²⁹

Ertinya: *Demikian kami katakan mengenai al-Sarf bahawasanya syaratnya ialah ta'yīn, bukannya qabḍ, Kecuali telah berdiri dalil pada kami, sesungguhnya dirham dan dinar tidak boleh ditentukan dengan ta'yīn, sebaliknya ditentukan dengan 'qabḍ. Dan kami mensyaratkan taqābuḍ sebagai kesempunaan ta'yīn, dan bukannya 'qabḍ' itu sendiri.*

²⁷ al-Shāfi'ī, *Al-Umm*, j3, p37.

²⁸ Al-Kāsānī, Abu Bakr bin Mas'ud al-Hanafi (2000). *Badāi' al-Sanāi' fi Tartīb al-Syarāi'*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. j4, p.549.

²⁹ Ibid.

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

Kesimpulannya, Hanafiyyah merumuskan *al-ta'yīn* sebagai syarat sah jualbeli dan bukannya *qabḍ* itu sendiri. Namun untuk akad Sarf, sifat *ta'yīnnya* hanya boleh ditentukan dengan *qabḍ* disebabkan matawang adalah sesuatu yang tidak boleh dita'yinkan.

Sebaliknya Imam Malik menolak sebarang kelewatan '*qabḍ*' walaupun masih berada dalam majlis kontrak sebagaimana dinukilkan oleh Ibn Rush al-Hafid Rahimahullah:

30

Ertinya: *Dan berkata Malik Rahimahullah: Sekiranya terlewat qabḍ dalam majlis, batal transaksi tersebut. Sekiranya masih belum berpisah (tapi lewat qabḍ), sehingga dibenci saling berjanji padanya.*

Walaupun begitu, satu pandangan dari ulama Hanābilah mengesahkan kontrak pada bahagian yang dibayar secara tunai sahaja.³¹

Kajian ini merumuskan bahawa perbincangan di atas menunjukkan para fuqaha sepakat bahawa kredit samada secara keseluruhan atau separuh, tidak boleh diberikan dalam pembelian matawang. Walaupun begitu diharuskan pertukaran pada bahagian yang telah dibayar secara tunai.

Pandangan ini dipegang oleh Resolusi Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) no 1, perkara 2.6.3.³²

Ertinya: *Tidak memadai untuk mengharuskan perdagangan matawang dengan qabḍ hanya pada satu pihak, tanpa pihak yang lain. Kalau berlaku qabḍ pada sebahagian harga, maka sah pada bahagian yang sempurna qabḍ, dan tidak pada bakinya (yang tidak berlaku qabḍ).*

4.1.3. Broker memberi *qarḍ hasan* kepada pelabur.

Ada yang mencadangkan bahawa leveraj ini diharuskan sekiranya dilaksanakan dan ditakyifkan broker memberi *qarḍ hasan* kepada pelabur. Justeru, pelabur membeli matawang menggunakan wang yang sudah ada (dipinjamkan oleh broker).

Ini juga bersesuaian dengan resolusi AAOIFI di dalam al-Ma'āyir al-Shar'īyyah 1429H – 2008 Resolusi No. 1, Perkara 2/12 yang mengatakan:

³⁰ Ibn Rusyd al-Hafid (1995). *Bidāyāt al-Mujtaḥid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*. Beirut: Dar al-Fikr. j2, p.159

³¹ al-Mardāwī, Ali Sulaiman, *al-Inṣāf fi Ma'rifat al-Rājih*, j1, p.817.

³² Al-Ma'āyir al-Syar'īyyah 2008 – 1429H, p5.

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

Ertinya: *Tidak harus bagi broker meminjamkan sejumlah wang dengan mensyaratkan ke atas peminjam berniaga matawang dengannya sahaja, sekiranya perkara tersebut tidak disyaratkan, tidak ada larangan dari sudut Syarak.*

Justeru, dalam urusan ini, broker tidak mesyaratkan pelabur berniaga dengannya apabila pelabur diberikan pinjaman tersebut.

Namun apabila diteliti praktis semasa, terdapat empat isu utama di atas *takyif* ini iaitu:

a. sistem akaun tidak menunjukkan jumlah *qard hasan* dimasukkan ke dalam akaun pelanggan. Dalam contoh di atas, tidak dimasukkan USD150,000.00 ke dalam akaun pelanggan. Jadi, *qabd* tidak berlaku. *Qard* sebagai *aqd al-tabarru'āt* mensyaratkan *qabd* samada hakiki (*actual possession*) mahupun hukmī (*constructive possession*).

b. Unsur *كل قرض جراً نفعاً فهو ربا* ' *Kullu qard jarra naf'an fahuwa riba*' bermaksud *setiap pinjaman yang mencuit faedah (bagi peminjam) adalah riba*. Broker mendapat manfaat dari *qard*nya apabila hanya membenarkan duit itu diperniagakan semula dengannya sahaja. Persoalannya bagaimanakah broker mendapat manfaat dari *qard* ini? Broker tidak akan meminjamkan duit ini sekiranya pelabur mahu membeli matawang dari orang lain. Sebaliknya, syarat yang dikenakan ialah, anda mesti berniaga dengan saya sekiranya anda mahu meminjam dari saya!

c. Kemungkinan tiada syarat bertulis yang mengatakan pelabur hanya boleh berurusanniaga dengan broker peminjam sahaja. Namun secara realitinya, sistem yang digunakan hanya membenarkan urusanniaga dilakukan dengan broker sahaja. Di sinilah diaplikasikan kaedah *fiqh: al-ma'rūf* '*urfan kal masyrūf syarṭan*' iaitu perkara yang dilakukan secara kebiasaannya umpama satu syarat yang disyaratkan. Justeru, kewajipan untuk hanya berurusanniaga dengan broker sememangnya terkandung di dalam system elektronik broker tersebut.

d. Wujudnya gabungan transaksi yang terlarang iaitu *qard* dan *bay'*.

33

Ertinya: *Tidak halal mengumpulkan salaf (pinjaman) dan jualbeli.*

Imam Tirmizi Rahimahullah mengatakan hadis tersebut bertaraf hasan sahih. Beliau juga meriwayatkan kata-kata Imam Ahmad bin Hanbal Rahimahullah menjelas ungkapan dalam hadis di atas dengan berkata:³⁴

Ertinya: *Dia memberi pinjaman, kemudian berjual beli dengannya dan mengambil keuntungan darinya.*

³³ Telah diriwayatkan oleh Imam Tirmizi, hadis hasan sahih (Lihat al-Tirmizi, Muhammad bin Isa (1999). *Jami' al-Tirmizi*. Al-Riyad: Dar al-Salam lil nasyr wa tauzi', no. 1234, p300.

³⁴ Ulasan Imam Tirmizi selepas hadis no. 1233. p.300.

Oleh itu, sekiranya mahu dibaiki transaksi ini, pelabur dibenarkan bertransaksi dengan pelbagai pihak atau hanya dibenarkan berniaga menggunakan wang tunai yang dia miliki.

4.2 ISU PEMILIKAN BROKER TERHADAP MATAWANG SEBELUM MENJUALNYA.

Broker tidak memiliki matawang tersebut tetapi menjadikan kadar (*rate*) harga bida (*bid*) dan harga minta (*ask*) sebagai asas pembelian dan penjualan oleh pelabur. Sistem jualbeli ini tidak memerlukan broker membeli secara *bonafide* matawang tersebut, sebaliknya hanya menanti penjualan semula oleh pelabur berdasarkan kenaikan atau penurunan pip tersebut.

4.2.1 Keharusan menjual matawang yang belum dimiliki

Asas larangan menjual sesuatu yang belum dimiliki ialah Sabda Rasulullah SAW:

35

Ertinya: Tidak halal salaf dan jualbeli, tida halal dua syarat dalam satu jual beli, tidak halal keuntungan tanpa mengambil risiko, *tidak halal jualbeli sesuatu yang kamu tidak miliki*.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Imam Tirmizi, hadis ini ialah hadis hasan sahih. Imam Tirmizi meriwayatkan hadis lain bertaraf hasan iaitu:

36

Ertinya: *Jangan kamu jual sesuatu yang kamu tidak miliki*.

Menurut Imam Syaukani Rahimahullah: Yang dilarang ialah sekiranya tidak dimiliki oleh penjual dan tidak mampu untuk menyerahkannya kepada pembeli, maka perkara tersebut mengandungi *gharar*. Manakala, sekiranya sesuatu yang tidak dimiliki tidak mengandungi *gharar* (mampu untuk dimiliki), maka hukumnya adalah harus seperti jual beli buah secara akad salam, *istisna'* dan sebagainya.³⁷

Namun dalam kes jual beli matawang, *qabḍ* mesti dilakukan secara lani (*spot*) sebagaimana dibincangkan dalam tajuk yang lepas khususnya akad *al-Ṣarf*.

Antara lain, Imam Malik Rahimahullah melarang penjualan matawang yang belum dimiliki walaupun seseorang itu boleh mendapatkan wang tersebut melalui *qarḍ* ketika transaksi *ṣarf* berlaku.

³⁵ Diriwayatkan oleh Imam Tirmizi, hadis hasan sahih, no. 1234.

³⁶ Diriwayatkan oleh Imam Tirmizi, hadis hasan, no 1232, p.300.

³⁷ Dipetik dari penulisan Prof. Dr Muhammad Usman Syubair.

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

: : :
: : :
38 : :

Ertinya: *Pada bab 'lani' al-Sarf. Aku berkata: Apakah pandangan kamu sekiranya aku berkata dengan seorang lelaki dan kami sedang duduk dalam majlis kontrak: Jualkan aku 20 puluh dirham dengan satu dinar, berkata: Ya, aku setuju aku berkata: Akupun begitu, maka kamipun bertransaksi. Kemudian aku berpaling ke seorang lain dengan ku dan aku katakan: Pinjamkan aku satu dinar. Dan dia beri. Maka aku membayar dinar tersebut kepadanya dan dia membayarku 20 dirham. Bolehkan transaksi tersebut, atau tidak? Berkata Malik: Tidak ada baik padanya.*

Manakala Imam Abu Hanifah dan Imam Shāfi'ī Rahimahumullah tidak memperkatakan keharusan transaksi jual beli matawang yang belum dimiliki. Sebaliknya mereka membicarakan mengenai keharusan melambatkan penyerahan wang (selepas berakad) namun mesti masih berada di dalam majlis akad itu.³⁹

Apabila membicarakan mengenai *qabḍ*, sebagaimana dibincangkan sebelum ini, Hanafiyah merumuskan *al-ta'yīn* sebagai syarat sah jualbeli dan bukannya *qabḍ* itu sendiri. Namun untuk akad *Sarf*, sifat *ta'yīn*nya hanya boleh ditentukan dengan *qabḍ* disebabkan matawang adalah sesuatu yang tidak boleh dita'yinkan.⁴⁰ Pandangan ini mungkin boleh membuka ruang bahawa pembelian matawang tidak dimiliki boleh diharuskan jualbelinya selama mana tidak terkeluar dari majlis kontrak.

Dalam konteks pertukaran matawang masa kini oleh broker, broker pada asalnya perlu mendapatkan matawang yang diperniagakan dengan pelabur secara lani setelah akad *sarf* dilakukan dengan pelabur. Justeru itu, setelah broker menjual matawang kepada pelabur, broker mesti melakukan transaksi dengan pihak ketiga secara lani untuk mendapatkan matawang yang mencukupi dalam tempoh masa yang bersesuaian dengan 'uruf' semasa.

Sebarang penanguhan oleh broker untuk mengurusniaga dengan pihak ketiga boleh menyebabkan transaksi tersebut terlibat dengan riba.

Walaupun begitu, amalan semasa ialah matawang hanya akan dikreditkan ke akaun broker setelah 2 hari (T+2) dari tarikh pembelian dilakukan.

Pengkaji berpandangan perkara ini adalah harus dan dibenarkan buat ketika ini kerana 'keperluan' dalam perniagaan matawang disebabkan perbezaan waktu dunia dan urusan yang memerlukan tempoh tersebut sebagaimana beberapa kaedah fiqh membicarakan perkara ini.

³⁸ Malik bin Anas, *al-Mudawwanah al-Kubra*, j3, p.6

³⁹ Ibn Rusyd al-Hafid, *Bidāyāt al-Mujtahid*, j2, p.162, Al-Marghīnānī, *al-Hidāyah*, j3, p.71.

⁴⁰ Ibid.

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

Ulama-ulama telah memperkatakan isu 'keperluan mendesak' dan diperlukan oleh keseluruhan masyarakat perbankan untuk terlibat dalam transaksi pertukaran sebegini dan nilai transaksinya yang amat besar.

Imam al-Suyuti Rahimahullah mengatakan:⁴¹

Ertinya: *Keperluan umum berada dalam taraf darurat.*

Ketika mensyarahkan kaedah ini, beliau berkata:

Ertinya: *Sesuatu hajat sekiranya menjadi keperluan umum adalah seperti darurat.*

Walaupun begitu, ia tidak bererti bahawa broker bebas melewati pembelian matawang dari pihak ketiga setelah mereka mengurusniaga dengan pembeli. Keharusan yang diberikan tidak terkeluar dari kaedah di bawah:

Ertinya: *Perkara darurat (Perkara yang amat perlu) dibenarkan sekadarnya.*

Shaykh Ahmad Zarqa Rahimahullah⁴² menerangkan bahawa sesuatu yang dikira darurat (amat perlu) diharuskan, dan keharusan tersebut hanya untuk kadar yang terhad bagi memenuhi keperluan tersebut.⁴³

Seharusnya dunia Islam mempelopori usaha untuk menjadikan transaksi *forex* lani (*spot*) dilaksanakan pada hari yang sama melalui penggunaan perkembangan teknologi yang pesat pada hari ini.

Pada masa yang sama, benefisiari iaitu pembeli atau pelabur, tidak dibenarkan bertransaksi sehinggalah matawang tersebut masuk ke dalam akaun secara fizikal iaitu pihak broker telah memperolehi matawang tersebut dan mengkreditkan wang ke akaun pelabur sebagaimana resolusi al-Majma' al-Fiqhi al-Islāmi dan Resolusi AAOIFI no. 1, perkara 2.6.5.⁴⁴

Ertinya: *Dimaafkan melewati 'makluman pemindahan' – dalam bentuk yang membolehkan benefisiari menerima secara hakiki- sehingga tempoh kebiasaan pasaran, walaupun begitu tidak*

⁴¹ Al-Suyūti, Jalaluddin Abd al-Rahman (t.t). *al-Asybah wa al-Nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. p.88.

⁴² Bapa kepada Syaikh Mustafa al-Zarqa Rahimahumallah.

⁴³ Al-Zarqa, Ahmad Muhammad (1998). *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam, 187.

⁴⁴ *Al-Ma' āyīr al-Syar' īyah* 2008 – 1429H, p5.

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

harus untuk benefisiari berurusan dengan matawang pada tempoh yang dimaafkan itu kecuali setelah dia mendapat makluman pemindahan tersebut yang membolehkannya menerima secara hakiki.

Kajian ini merumuskan pembelian matawang untuk tujuan kenaikan harga bukanlah suatu keperluan yang boleh diharuskan untuk dilewatkan *qabḍ*. Justeru itu, urusan di dalam forex online ini tidak diharuskan kerana realiti pengamalan di dalam forex online itu sendiri di mana pelabur terus bertransaksi dengan matawang yang dibeli walaupun belum memperolehi wang tersebut.

4.3 ISU PELABURAN MATAWANG UNTUK MENDAPATKAN FAEDAH DARI TURUN NAIK HARGA.

Pelaburan matawang adalah bukan seperti pelaburan *muḍārabah* yang dibenarkan oleh Syarak kerana di dalam *muḍārabah*, ialah gabungan modal dan usaha untuk mendapatkan keuntungan. Sebaliknya pelaburan matawang secara online secara margin ini adalah pembelian matawang dengan harapan nilai matawang tersebut naik harganya tanpa perlu memegangnya secara sempurna..

Kerap kali berlaku dalam transaksi ini ialah kenaikan harga disebabkan spekulasi (*al-isyā'āt*). Kerap kali juga berlaku iaitu nisbah 90% dari urusan pasaran matawang adalah bukannya urusan yang *bonafide* iaitu bukannya dilakukan untuk mendapatkan *qabḍ* (memegang) dan menggunakan matawang tersebut. Sebaliknya matawang tersebut berpindah dari seseorang ke seseorang yang lain tanpa adanya *qabḍ*. Tujuan pelabur pula bukannya untuk mendapat faedah dari matawang tersebut, sebaliknya adalah untuk mendapatkan keuntungan dari *furūq al-as'ār* (perbezaan harga).

Berdasarkan analisis tersebut, urusan ini mempunyai beberapa larangan Syarak:

i. Wujudnya unsur *bay' al-najsy* (بيع النجش)

Bay' al-najsy ialah seseorang menambah harga sesuatu barang bukan bertujuan untuk membelinya (sehingga mendapat *qabḍ*),⁴⁵ sebaliknya adalah untuk member faedah untuk penjual dan memudaratkan pembeli.

Profesor Dr Muhammad Uthman Syubair Hafizahullah mengatakan: “Dengan kata lain, menawarkan penambahan pada harga barang yang dijual, bukan untuk penawar itu membelinya, tetapi untuk memperdayakan orang lain dengan adanya penawaran tersebut.”⁴⁶

Satu tindakan Rasulullah SAW menunjukkan perbuatan ini adalah haram sebagaimana hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim mengatakan:⁴⁷

⁴⁵ Al-Jurjānī, Sayyid Sharif Ali Muhammad Abu Hasan al-Husaini al-Hanafi (1996). *Al-Ta'rīfāt*. Beirut: 'Alam al-Kutub. p.295.

⁴⁶ Syubair, Muhammad Uthman, p.39.

⁴⁷ al-Asqalānī, *Fath al-Bārī*, j4, p.283.

Ertinya: *Nabi SAW melarang al-najsy*

Di bawah tajuk yang sama, Imam al-Bukhari meriwayatkan hadis yang berkaitan:⁴⁸

Ertinya: *Penipuan itu di neraka, sesiapa yang melakukan amalan yang tidak ada padanya urusan kami, maka ia tertolak.*

ii. Wujudnya unsur larangan *ihlikār* ()

Fuqaha' mendefinisikan *ihlikār* sebagai membeli sesuatu barang dan menyimpannya untuk tujuan mendapatkan keuntungan disebabkan perbezaan harga.⁴⁹

Amalan ini juga adalah diharamkan berdasarkan Sabda Rasulullah SAW:

50 :

Ertinya: *Siapa yang ihtikar maka dia adalah salah. Dalam riwayat yang lain: Jangan kamu monopoli kecuali dia salah.*

Imam Nawawi Rahimahullah berkata: *Berkata pakar Bahasa Arab: al-khāti`, ditanda dengan hamzah, adalah al-`āsī(melakukan maksiat) dan al-āthim (berdosa).*⁵¹

Imam Ahmad bin Hanbal Rahimahullah meriwayatkan:

:
52 .

Ertinya: *Sesiapa yang terlibat memanipulasikan harga barang masyarakat Islam, untuk menaikkan harga mereka, Allah berhak menjadikan ke atas mereka dengan menuntunnya dengan tulang dari neraka pada hari kiamat.*

Menurut Prof Uthman Syubair, pelabur matawang sebenarnya bukan bertujuan memegang wang di tangan mereka. Mereka kemudiannya mempengaruhi pasaran supaya harga naik dan mendapat untung yang besar bagi mereka dari kerugian pihak lain. Pelaburan sebegini adalah diharamkan oleh Syarak.⁵³

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Al-Barakati, Muhammaf 'Amim al-Ihsan al-Mujaddidi (2003): *al-Ta'rjfat al-fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. p.18.

⁵⁰ Al-Nawawi, *Syarh Sahih Muslim*, j10-12, p.219.

⁵¹ Ibid.

⁵² Musnad Ahmad, no.19427..

⁵³ Syubair, Muhammad Uthman (2006). *Al-Mutājarah bi al-Hamisy wa al-Ahkām al-Mut'alliqah bihā fī al-Fiqh al-Islāmi*. p.39 (kertas di bentang di al-Majma' al-fiqhī al-Islāmi pada 2006).

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

Walaupun begitu, hujah-hujah di atas mungkin ditolak oleh pihak yang mengharuskan *ih tikār* pada perkara selain makanan. Pada mereka, larangan *ih tikār* hanya terhad kepada barang makanan sahaja (makanan ruji).

Imam Ibn Hajar al-‘Asqalānī Rahimahullah berkata:

:

Ertinya: *Dari Ahmad: Hanyasanya diharamkan ih tikār makanan ruji dan bukan pada selainnya.*

Imam Nawawi Rahimahullah berkata:

.

Ertinya: *Manakala bukan makanan ruji, maka tidak diharamkan ih tikār padanya pada setiap masa. Inilah perincian mazhab kami.*

iii. Mengandungi unsur *al-qimar* (perjudian).

Pelaburan ini mengandungi unsur perjudian berdasarkan harga atau angka dalam pasaran kewangan. Pasaran ini mengandungi pihak-pihak yang menspekulasikan harga untuk meraih manfaat bagi mereka dan memudaratkan orang lain.

Prof. Dr Syauqi Ahmad Dunya mengatakan pembelian secara ‘margin’ secara umumnya diiktiraf oleh pakar kewangan sebagai termasuk dalam *al-muqāmarah* (perjudian) dan perkara tersebut diharamkan oleh Syarak.⁵⁴

5.0 GARIS PANDUAN UNTUK MEMUDAHKAN MASYARAKAT UMUM MEMAHAMI DAN MEMBEZAKAN DI ANTARA FOREX YANG DIBENARKAN DAN YANG TIDAK DIBENARKAN.

Berdasarkan perbincangan di atas, perdagangan forex online adalah tidak dibenarkan oleh Syarak kerana adanya perkara-perkara yang menyalahi Syarak iaitu.

- i. Pembelian wang tunai dilakukan secara kredit adalah terang-terangan bertentangan dengan kontrak *Ṣarf* dan mengandungi unsur riba.
- ii. Sekiranya pembelian kredit itu *ditakyifkan* sebagai pemberian pinjaman oleh broker, perkara tersebut masih termasuk dalam aktiviti yang dilarangkan oleh Syarak kerana mengandungi unsur mendapat manfaat dari pinjaman, dan larangan mengumpulkan ‘pinjaman’ dan jual-beli’.
- iii. Menjual matawang secara menanggungkan penyerahan adalah dilarang oleh Syarak. Syarat *qabḍ* dalam majlis tidak wujud di dalam transaksi ini. Keharusan melewati

⁵⁴ Dunya, Syauqi Ahmad (2006). *Al-Mutājarah bi al-Hamisy*. p.18. (kertas di bentang di al-Majma’ al-fiqhī al-Islāmī pada 2006).

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

penyerahan (*qabḍ*) tidak boleh diaplikasi dalam urusan ini kerana tidak termasuk di dalam konsep 'darurat' bagi transaksi '*bonafide*'.

- iv. Urusniaga broker secara online ini mengandungi unsur '*bay' al-najsy*' iaitu peniaga menawarkan harga bukan untuk memiliki matawang sebaliknya untuk memberi faedah kepada penjual melalui kenaikan harga.
- v. Urusniaga ini juga mengandungi '*ihlikār*' yang dilarang oleh Syarak.
- vi. Urusniaga ini juga mengandungi unsur perjudian yang bergantung kepada turun naik harga atau angka.

Pandangan di atas adalah bersesuaian dengan Resolusi al-Majma' al-Fiqhī al-Islāmī pada persidangannya ke 18 di Mekah pada April 2006.

Walaupun begitu, urusan matawang seperti berikut adalah diharuskan dalam Syarak iaitu:

1. Urusniaga antara prinsipal iaitu bank-bank berlesen untuk menjual matawang dalam skala yang besar kepada syarikat-syarikat. Unsur menjual sesuatu yang tidak dimiliki adalah diminimumkan apabila bank mampu memiliki wang tersebut. Kewajipan '*qabḍ*' ini dilaksanakan dalam kontrak tersebut dalam tempoh dua hari (T-2) kerana '*urf*' tukaran asing memerlukan tempoh tersebut, namun keharusan ini dikhususkan kepada 'keperluan yang sukar dielak'. Walaupun begitu, urusan '*prop trading*' di bank-bank tidak termasuk di dalam keharusan ini.
2. Urusniaga pasaran sekunder seperti '*on demand forex*' yang berlaku dengan pengurup matawang adalah harus kerana berlaku '*qabḍ*' secara hakiki.
3. Urusniaga TT (*telegraphic transfer*) adalah harus kerana berlaku urusan '*bonafide*' dan '*qabḍ hukmī*' dalam tempoh dua hari (T+2) dan adalah dimaafkan kerana tempoh transaksi semasa dunia yang sukar dielak dan diubah.

Masyarakat awam dinasihatkan menggunakan produk-produk kewangan yang dipantau oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti serta yang telah diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah di institusi kewangan.

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

RUJUKAN

- Al-'Asqalāni, Ibn Hajar (t.t). *Fath al-Bārī*. Beirut: Dar Ihya` al-Turath al-'Arabi.
- Asyraf Wajdi Dusuki (2009). *Konsep dan Operasi Swap Sebagai Mekanisme Lindung Nilai Dalam Institusi Kewangan Islam*. Kertas dibentang di Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke 3 di Hotel Mercure, Jakarta pada 25 & 26 Mei 2009.
- Barakati, Muhammaf 'Amim al-Ihsan al-Mujaddidi (2003): *al-Ta'rīfāt al-fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. p.18.
- Burhanuddin Lukman (2009). *Urusniaga Matawang di Institusi Kewangan: Isu Spot dan Qabd*. Kertas dibentang di Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke 3 di Hotel Mercure, Jakarta pada 25 & 26 Mei 2009.
- Dunya, Syauqi Ahmad (2006). *Al-Mutajarah bi al-Hamisy*. p.18. (kertas di bentang di Majma' al-fiqh al-Islami pada 2006).
- Eiteman, DK, Arthur, IS & Moffett, MH 2007, *Multinational Business Finance*, Eleventh edn, Pearson Education, Inc, Boston.
- Ibn Rusyd al-Hafid (1995). *Bidāyāt al-Mujtaḥid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*. Beirut: Dar al-Fikr. j2, p.159
- Al-Jurjani, Sayyid Sharif Ali Muhammad Abu Hasan al-Husaini al-Hanafi (1996). *Al-Ta'rīfat*. Beirut: 'Alam al-Kutub. p.295.
- Al-Kāsānī, Abu Bakr bin Mas'ud al-Hanafi (2000). *Badā'ī' al-Ṣanā'ī' fi Tartīb al-Syarā'ī'*. Beirut: Dar Ihya` al-Turath al-'Arabi. j4, p.549.
- Krishnan, Rajeswari; Menon, S. Sandhya. (2009). *International Journal of Business Insights & Transformation*, Apr-Sep 2009, Vol. 2 Issue 2, p34-51, 18p, 9 Charts
- Al-Ma'ayir al-Syar'iyyah 2008 – 1429H. Manama: AAOIFI.
- Malik bin Anas (1994). *al-Mudawwanah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. j3, p.3
- Malik bin Anas (t.t). *Al-Muwatta`*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mardāwī, Ali Sulaiman (2004). *al-Inṣāf fi Ma'rīfat al-Rājiḥ min al-Khilāf*. Beirut: Bait al-Afkar al-Dauliyyah.
- Al-Marghinani, Ali bin Abi Bakr bin Abd al-Jalil (t.t) *al-Hidāyah fi Syarḥ Bidāyat al-Mubtadi*. Beirut: Dar Ihya` al-Turath al-'Arabi.
- McFarlin, Michael (2010). *Futures: News, Analysis & Strategies for Futures, Options & Derivatives Traders*, Sep2010, Vol. 39 Issue 9, p48-50, 3p
- Mohd Zamerey Abdul Razak (2009). *Urusniaga Matawang di Institusi Kewangan: Isu Spot dan Qabd*. Kertas dibentang di Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke 3 di Hotel Mercure, Jakarta pada 25 & 26 Mei 2009.

**MUZAKARAH AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH INSTITUSI
KEWANGAN DI MALAYSIA KALI KE-7 PADA 31 MEI 2011**

Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (1994). *Syarh Şahîh Muslim*. Beirut: Dar al-Khayr.

Al-Shāfi'ī, Muhammad bin Idris (1993). *al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Suyūti, Jalaluddin Abd al-Rahman (t.t). *al-Asybah wa al-Nazāir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Syubair, Muhammad Uthman (2006). *Al-Mutājarah bi al-Hamisy wa al-Ahkam al-Mut'alliqah biha fi al-Fiqh al-Islami*. p.39 (kertas di bentang di Majma' al-fiqh al-Islami pada 2006).

Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa (1999). *Jāmi' al-Tirmizi*. Al-Riyad: Dar al-Salam lil nasyr wa tauzi'.

Al-Zarqa, Ahmad Muhammad (1998). *Syarh al-Qawāid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.

Website: www.babypips.com